

Susunan pembongkaran kartel tender projek kerajaan

JPA diarah laksana pusingan kerja jawatan sensitif

Ketua Setiausaha Negara jamin ambil tindakan tegas individu terbukti bersalah

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sudah diarah untuk melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai yang berkhidmat di jawatan sensitif yang cenderung kepada isu berkaitan salah laku rasuah, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Dalam kenyataan semalam yang dikeluarkan susulan pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan sindiket kartel tender kerajaan, Mohd Zuki menyatakan kekesalannya kerana terdapat segelintir penjawat awam yang membenarkan diri



Laporan BH semalam.

“Saya memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terbabit dalam isu ini”

Mohd Zuki Ali,
Ketua Setiausaha Negara



mereka diperguna oleh pihak berkepentingan untuk habuan lumayan.

“Saya memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terbabit dalam isu ini ataupun sebarang salah laku yang menjejaskan imej perkhidmatan awam sekiranya dibuktikan bersalah,” katanya.

Mohd Zuki berkata, pendedahan SPRM berkenaan sindiket kartel tender kerajaan yang bernilai RM3.8 bilion sangat membimbangkan.

Kes itu mula dikesan sejak 2014 dan hasil pemerhatian serta risikan berterusan SPRM membawa kepada penahanan beberapa individu yang menjadi suspek utama siasatan.

Dilaporkan, SPRM menumpaskan sindiket kartel projek yang memonopoli 345 tender kementerian dan agensi kerajaan yang bernilai RM3.8 bilion, dengan penahanan tujuh individu termasuk ketua sindiket pada Ahad.

Ketua sindiket yang berumur 47 tahun dikatakan mengawal

lebih 150 syarikat yang berfungsi untuk memasuki tender atau sebut harga di kementerian dan agensi terbabit.

Menurut laporan, modus operandi kartel ialah membayar rasuah kepada ‘orang dalam’ untuk mendapat maklumat berhubung spesifikasi, harga siling, harga jabatan, jumlah penyertaan, kelayakan syarikat dan masa yang sesuai untuk menghantar borang tender dan sebut harga.

Mengulas lanjut, Mohd Zuki berkata, beliau menyokong penuh usaha untuk membanteras apa juga bentuk salah laku dan penyelewengan yang berlaku dalam sistem penyampaian kerajaan, terutama isu berkaitan rasuah yang dikendalikan oleh SPRM.

“Saya sudah berulang kali memberi peringatan kepada semua ketua jabatan supaya menerapkan dan memegang utuh konsep integriti dalam pengurusan organisasi dengan memperkuatkan program kesedaran dan pencegahan selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP),” katanya.